



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 24 (2) Nov 2020 (069-085)

### Penukaran Kod Bahasa Kolokial Dusun Daerah Ranau

Mohammed Azlan Mis & Willmay Athena Sualim  
[whg5026@ukm.edu.my](mailto:whg5026@ukm.edu.my)

*Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Tarikh terima : 23 Okt 2020

*Received*

Terima untuk diterbitkan : 16 Nov 2020

*Accepted*

Tarikh terbit dalam talian : 30 Nov 2020

*Published online*

---

#### Abstrak

Latar belakang masyarakat di negeri Sabah yang terdiri dari pelbagai kaum seperti Melayu, Kadazan, Murut, Dusun, Bajau, Cina dan lain-lain telah memberi kesan kepada penggunaan bahasa yang pelbagai antara kaum-kaum tersebut semasa mereka berkomunikasi dalam kehidupan harian. Kajian ini merupakan kajian kebahasaan masyarakat Dusun di negeri Sabah, iaitu kajian penukaran kod di kampung Bundu Tuhan Daerah Ranau. Dengan itu, kajian ini memberi fokus kepada masyarakat Dusun di kampung Bundu Tuhan dan bahasa yang digunakan semasa mereka berkomunikasi dan dianalisis penukaran kod yang berlaku dalam rakaman yang dibuat. Metodologi kajian ini adalah menggunakan kaedah rakaman secara temu bual dengan responden. Sebanyak 10 rakaman telah dijalankan dengan responden masyarakat Dusun. Setiap rakaman dibuat berdasarkan perbualan aktiviti sehari-hari yang biasa oleh masyarakat Dusun seperti hobi, pekerjaan, aktiviti-aktiviti pada masa lapang, dan lain-lain. Hasil rakaman akan ditranskripsi, dan analisis kajian berdasarkan tahap penukaran kod oleh Poplack (1980, 1981), iaitu *tag*, *intrasentential*, dan *intersentential*. Sungguhpun masyarakat Dusun yang dikaji merupakan penutur natif bahasa Dusun, namun kajian ini telah mengenalpasti bahawa berlakunya penukaran kod oleh masyarakat Dusun dalam komunikasi seharian mereka. Dengan itu, hasil kajian ini dengan jelas telah dapat mengungkap bahawa masyarakat Dusun telah menuturkan pelbagai bahasa lain selain bahasa Dusun.

Kata kunci: Penukaran kod, masyarakat Dusun, bahasa Dusun, rakaman, Pelbagai bahasa

#### *Code Conversion of Dusun Colloquial Language in Ranau District*

#### Abstract

*The people of Sabah are made of various races, which includes Malay, Kadazan, Murut, Dusun, Bajau and Chinese. This multicultural community shapes their identity, particularly seen in the way they communicate with one another, where code switching is a common practice. This paper specifically focuses on code switching practices among the Dusun people of Kampung Bundu Tuhan in Ranau. Ten interviews were conducted with the subjects. The conversations replicate daily*

*conversations and revolve around their work, hobby and other common daily activities. The recordings are transcribed and analyzed according to Poplack's (1980; 1981) categorization of code switching: tag, intrasentential and intersentential. This research suggests that although the Dusun people have their own native language - the Dusun language, the practice of code switching is common among them. This demonstrates their familiarity and fluency in other local languages.*

*Key Words: Code Switching, Dusun People, Dusun Language, Interview, Multi Language*

## 1. Pengenalan

Kajian ini berkaitan dengan penukaran kod dalam kalangan masyarakat Dusun di Ranau, Sabah. Carol Myers-Scotton (1993a), mendefinisikan penukaran kod sebagai tidak lebih daripada satu fenomena perlakuan bahasa yang merangkumi penggunaan dua atau lebih ragam bahasa. Manakala Carol Myers Scotton dan William Ury (1993) berpendapat bahawa, penukaran kod adalah penggunaan dua ragam linguistik atau lebih dalam perbualan atau interaksi yang sama. Alihan ini melibatkan sepatah atau lebih ragam yang mungkin boleh terdiri daripada dua bahasa yang tidak ada hubungan secara genetik sehinggalah sampai kepada dua gaya bahasa yang sama. Grosjean (1982) pula berpendapat bahawa penukaran kod merupakan penggunaan bahasa pengganti dalam sesuatu perbincangan. Tambah beliau lagi *kod switching* tidak hanya terhad pada pengguna dua bahasa sahaja malah ia boleh melibatkan lebih dari dua bahasa. Ia boleh dilakukan oleh penutur solo atau penutur dan pendengar yang menjadi peserta perbincangan.

Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki masyarakat yang berbagai kaum, iaitu Melayu, Cina, India, dan kumpulan minoriti seperti suku kaum asli Temiar, Jakun, Semeng, Kadazan, Dusun, Melayu Brunei, Bajau, Murut, Iban, Bidayuh, Melanau dan Kenyah (Suthanthiradevi 2001). Kewujudan pelbagai kaum di Malaysia telah melahirkan masyarakat yang dwibahasa dan pelbagai bahasa. Situasi ini secara langsung menyebabkan berlakunya penukaran kod, iaitu bahasa-bahasa seperti bahasa Melayu, Mandarin, Tamil dan dialek tempatan dicampuradukkan dalam pertuturan harian. Gejala penukaran kod juga berlaku di negeri Sabah kerana mempunyai penduduk pelbagai suku kaum dan latar belakang bahasa ibunda yang berbeza seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Murut, Bajau, Dusun, Kedayan dan beberapa sukum kaum yang lain lagi. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya mengkaji penukaran kod yang berlaku dalam masyarakat Dusun yang tinggal di kampung Bundu Tuhan, Ranau Sabah.

## 2. Latar Belakang Kawasan Kajian

Secara khusus nya kajian ini dijalankan di kampung Bundu Tuhan dalam daerah Ranau, negeri Sabah. Kawasan Ranau ini terletak di kaki Gunung Kinabalu. Penduduk yang dikaji di kampung Bundu Tuhan adalah suku kaum Dusun (Anon 2010, 2015). Bahasa Dusun merupakan bahasa utama yang digunakan dalam pertuturan harian masyarakat di kampung ini. Sungguhpun begitu, terdapat juga penggunaan bahasa-bahasa yang lain seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau dialek Melayu Sabah yang digunakan dalam pertuturan mereka (bergantung kepada tajuk dan konteks). Dalam masa sama, perkahwinan campur juga berlaku antara masyarakat Dusun dengan kaum Cina, atau orang Indonesia (Generasi Godoong 2009). Keistimewaan kampung Bundu Tuhan adalah satu kawasan yang sentiasa menjadi tumpuan pelancong sama ada pelancong tempatan atau luar negara kerana kawasan persekitaran, alam semulajadi dengan cuaca yang nyaman dan sejuk (blungkeng.blogspot.ca 2009). Kampung Bundu Tuhan terletak cuma kira-kira 2 km dari Taman Negara Kinabalu (Laman Pelancongan Taman Kinabalu 2013) (Anon 2013).

Dari segi kemudahan pendidikan, terdapat dua buah taska, dua buah sekolah rendah, iaitu SK Bundu Tuhan, Ranau (Sekolah Kebangsaan Bundu Tuhan 2011) dan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) SRK Don Bosco serta sebuah sekolah menengah, iaitu SMK Bundu Tuhan, Ranau (Laman Pendidikan SMK Bundu Tuhan 2012) (Anon 2011, 2012, 2015). Rata-rata penduduk di kampung ini bekerja dalam sektor kerajaan seperti pegawai kerajaan, guru, pegawai pelancongan selain menjadi petani.

## Permasalahan Kajian

Permasalahan utama kajian ini dilakukan kerana penggunaan bahasa Dusun dalam kalangan masyarakat Dusun semakin membimbangkan, khususnya dalam kalangan generasi muda. Didapati generasi muda sudah tidak mementingkan penggunaan bahasa Dusun sepenuhnya dalam pertuturan mereka. Generasi muda didapati selalu mencampur aduk bahasa mereka apabila berkomunikasi. Kini fenomena penukaran kod ini semakin menular dalam kalangan generasi muda. Pelbagai bahasa digunakan secara meluas terutamanya dalam kalangan remaja bandar suku kaum Dusun sekaligus membimbangkan orang dewasa tentang penggunaan bahasa Dusun yang baik.

Berdasarkan beberapa definisi yang diberikan oleh beberapa sarjana sosiolinguistik (Lihat Pengenalan), boleh dirumuskan bahawa penukaran kod wujud akibat daripada pertembungan lebih daripada dua kod linguistik. Dalam kajian ini, isu penukaran kod merujuk kepada fenomena yang mana bahasa dan dialek lain yang wujud dalam ujaran bahasa Dusun yang dituturkan oleh suku kaum Dusun di Sabah yang belum pernah diketengahkan. Kajian lepas telah meneliti bahasa Dusun dari bidang morfologi Nor Aina Dani et.al (2011), Smith (1994), Dayang Aini (2003), Dayang Fatimah (2007), kajian bunyi bahasa oleh Zaharani (2003) dan kajian dialek oleh Minah (2018). Seperti mana dengan perbincangan sarjana sosiolinguistik, penukaran kod wujud dalam bahasa Dusun kerana suku kaum Dusun di Sabah majoritinya menguasai beberapa bahasa dan dialek yang berlainan, seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dialek Melayu Sabah, dan sebagainya. Jadi wujudlah pertembungan lebih daripada dua kod linguistik dan membawa kepada fenomena penukaran kod dalam bahasa Dusun di Sabah.

Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, boleh kita lihat bahawa fenomena penukaran kod ini memangnya kerap wujud dalam pelbagai bahasa, tidak kira apa juga bahasa natif sesuatu komuniti, terutamanya dalam masyarakat yang terdiri daripada komuniti bilingual ataupun multilingual (Grosjean 1982), Destya Pratama (2015), Edwards (1994), Fishman (1972) dan Choi et.al (2007). Setelah meninjau kajian-kajian lepas sarjana asing dan tempatan, pengkaji mendapati bahawa jarang ada orang yang melakukan kajian yang berkenaan dengan fenomena percampuran kod dalam bahasa Dusun, lebih-lebih lagi bahasa Dusun di Sabah, di mana merupakan bahasa majoriti di Sabah. Kaum Dusun merupakan kumpulan etnik yang terbesar di Sabah yang membentuk hampir 30% daripada keseluruhan jumlah penduduk negeri Sabah (infomasimalaysia 2017). Dalam kajian ini, responden yang dipilih oleh pengkaji adalah suku kaum Dusun di Sabah yang berbeza dengan kajian yang lain berkenaan dengan fenomena penukaran kod yang jelas berbeza akan dipaparkan. Memandangkan tiadanya kajian berkenaan dengan fenomena penukaran kod dalam bahasa Dusun di Sabah, jadi ini telah mendorong pengkaji untuk meneruskan kajian ini secara mendalam seperti yang telah dibincangkan. Diharapkan kajian ini mengisi kekurangan kajian berkenaan dengan topik yang dibincangkan.

## Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- Mengelompokkan penukaran kod mengikut tiga tahap iaitu *tag*, *intrasentential*, dan *intersentential*.
- Mengenal pasti bahasa-bahasa yang bertukar kod dengan bahasa Dusun dalam kalangan

masyarakat Dusun di kampung Bundu Tuhan, Ranau, Sabah.

- Menentukan pola penukaran kod oleh masyarakat Dusun di kampung Bundu Tuhan, Ranau, Sabah.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini menerapkan kerangka teori oleh Poplack (1980, 1981), iaitu mengenai kekangan dalam penukaran kod, iaitu kekangan morfem bebas dan kekangan persamaan. Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan kaedah kajian di lapangan untuk mendapatkan maklumat komunikasi harian yang dirakam dengan masyarakat Dusun di kampung Bundu Tuhan. Setelah rakaman dijalankan, maklumat tersebut akan ditranskripsi serta dianalisis untuk mengetahui tahap penukaran kod yang berlaku.

Rakaman di lapangan akan dijalankan melalui proses temu bual. Rakaman temu bual yang dijalankan adalah dalam bentuk perbualan antara pengkaji dan responden (Chua 2006). Tajuk perbualan antara pengkaji dan responden berkaitan dengan tajuk kehidupan seharian masyarakat Dusun seperti hobi, pekerjaan, aktiviti-aktiviti pada masa lapang, dan pengalaman-pengalaman menarik yang pernah dilalui oleh responden.

Sebanyak sepuluh rakaman perbualan temu bual telah dijalankan. Sebelum proses rakaman dijalankan, pengkaji terlebih dahulu memaklumkan kepada responden bahawa perbualan tersebut akan dirakam menggunakan alat rakaman yang telah disediakan oleh pengkaji. Rakaman yang dijalankan adalah bersifat tidak formal. Bahasa temu bual yang digunakan adalah sepenuhnya bahasa Dusun dan tempoh rakaman adalah lebih kurang dalam jangka masa 30 minit. Perbualan yang dirakam akan ditranskripsi dengan menggunakan kaedah transkripsi mudah dan ditunjukkan dalam perbincangan analisis data berkaitan dengan kajian penukaran kod kajian ini. Hasil rakaman yang ditranskripsi akan dianalisis dan dikelompokkan mengikut tahap penukaran kod oleh Poplack (1980, 1981), iaitu *tag*, *intrasentential*, dan *intersentential*. Selain itu, pengelompokan ini juga akan dikenalpasti sama ada sebagai ia adalah bahasa utama, kedua dan ketiga dalam ujaran-ujaran yang mengalami penukaran kod.

Penukaran kod terdiri daripada tiga tahap. Tahap-tahap penukaran kod tersebut ialah penukaran kod secara *tag* atau tempelan, *intrasentential*, dan *intersentential*. Penukaran kod tempelan atau *tag* dapat didefinisikan sebagai penggunaan perkataan dan frasa tertentu daripada bahasa lain semasa bertutur menggunakan bahasa tersebut (Auer 1998). Contoh maklumat penukaran kod *tag* seperti di bawah.

*Excuse me*, yau sek shi gan dou.

Penukaran kod *intrasentential* dapat didefinisikan sebagai pengalihan daripada satu bahasa kepada bahasa lain dalam satu ungkapan yang sama. Contohnya ialah;

1. Koi hai *singer in the band*.
2. Zhi Quan, zhen kuai ar, wu shi nian bu jian le, *kita semua dah tua*.
3. Ta jiao wo *Chinese*.
4. Jin tian wo zhen de bu ke yi *tahan*

Penukaran kod *intersentential* dapat didefinisikan sebagai penukaran dari satu bahasa kepada satu bahasa lain yang berlaku antara ayat. Contohnya:

1. Where can I buy dried scallop? E...*Makanan laut*.
2. I thought we may not get a chance to share any joyful moments anymore. *Ngo hou wan yin i chin gei yak ji*.

3. I would like to go with you. *Lei dang dang ngo.*
4. Hai bin go tai ngo hoi hwa hwa ka? *It was you.*

#### 4. Analisis Rakaman Temu Bual

Bahagian ini memaparkan maklumat dari rakaman perbualan penukaran kod temu bual dengan responden masyarakat Dusun. Terdapat sepuluh rakaman perbualan yang telah dijalankan di Pusat Belia kampung Bundu Tuhan, Ranau. Hasil rakaman yang ditranskripsi telah dianalisis dan dikelompokkan mengikut jenis penukaran kod oleh Poplack (1980, 1981). Berikut merupakan petunjuk yang akan digunakan dalam perbincangan bagi analisis rakaman perbualan:

Petunjuk:

- ***Tulisan condong dan berdakwat tebal*** - bahasa Dusun
- *Tulisan condong* - dialek Melayu Sabah
- Tulisan bergaris - bahasa Inggeris
- Tulisan normal - bahasa Melayu Standard
- *Tulisan condong dan bergaris* - lain-lain bahasa

#### Penukaran Kod Tahap Tag

Didapati beberapa ujaran dalam rakaman dengan masyarakat Dusun berlakunya penukaran kod tahap *tag*. Bahasa utama, kedua dan ketiga yang digunakan dalam setiap ujaran juga dikenal pasti. Pada bahagian akhir analisis penukaran kod peringkat *tag* akan dikenal pasti *tag* dari bahasa lain yang telah bertukar kod dengan bahasa Dusun. *Tag* yang digunakan dalam semua rakaman perbualan akan dikategorikan mengikut bahasa yang mengalami penukaran kod. Jadual 1 di bawah memaparkan ujaran yang mengalami penukaran kod tahap *tag*.

Jadual 1: Penukaran Kod Tahap Tag Oleh Masyarakat Dusun

| Bil | Penukaran Kod                                                                                         |                     |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| 1   | <i>Macam mana <b>gia</b>.</i><br>(Bagaimanalah?)                                                      |                     |
|     | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                   | <b>Bahasa Kedua</b> |
|     | Dialek Melayu Sabah                                                                                   | Bahasa Dusun        |
|     | <i>Macam mana</i>                                                                                     | - <i>gia</i>        |
| 2   | <i>Ie, tu apa <b>gia</b> tu yang mau tutup sini tu?</i><br>(Ie, apakah itu yang mahu tutup sini itu?) |                     |
|     | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                   | <b>Bahasa Kedua</b> |
|     | Dialek Melayu Sabah                                                                                   | Bahasa Dusun        |
|     | <i>Ie, tu apa ... tu yang mau tutup sini tu?</i>                                                      | - <i>gia</i>        |
| 3   | <i>Kanapa <b>gia</b> ko cakap begitu?</i><br>(Mengapakah kamu berkata begitu pula?)                   |                     |
|     | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                   | <b>Bahasa Kedua</b> |
|     | Dialek Melayu Sabah                                                                                   | Bahasa Dusun        |
|     | <i>Kanapa ... ko cakap begitu?</i>                                                                    | - <i>gia</i>        |

|    |                                                                               |                     |
|----|-------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
|    |                                                                               |                     |
| 4  | <i>Ko sangaja inda datang, koi?</i><br>(Kamu sengaja tidak datang, kan?)      |                     |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                           | <b>Bahasa Kedua</b> |
|    | Dialek Melayu Sabah                                                           | Bahasa Dusun        |
|    | <i>Ko sangaja inda datang</i>                                                 | - <i>koi</i>        |
| 5  | <i>Bah, kainou kama mongoi tanud.</i><br>(Marilah kita sertai (Kem Belia).)   |                     |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                           | <b>Bahasa Kedua</b> |
|    | Bahasa Dusun                                                                  | Dialek Melayu Sabah |
|    | <i>kainou kama mongoi tanud</i>                                               | <i>bah</i>          |
| 6  | Apa <i>dii</i> beza penggunaan?<br>(Apalah beza penggunaan?)                  |                     |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                           | <b>Bahasa Kedua</b> |
|    | Bahasa Melayu Standard                                                        | Bahasa Dusun        |
|    | Apa ... beza penggunaan?                                                      | - <i>dii</i>        |
| 7  | <u>Smart</u> bah.<br>(Hebatlah.)                                              |                     |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                           | <b>Bahasa Kedua</b> |
|    | Bahasa Inggeris                                                               | Dialek Melayu Sabah |
|    | <u>Smart</u>                                                                  | - <i>bah</i>        |
| 8  | Bukan “cuci” juga <i>tei</i> maksud dia?<br>(Bukan “cuci” jugakah maksudnya?) |                     |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                           | <b>Bahasa Kedua</b> |
|    | Bahasa Melayu Standard                                                        | Bahasa Dusun        |
|    | Bukan “cuci” juga ... maksud dia?                                             | - <i>tei</i>        |
| 9  | <i>Kasi begini boh gia.</i><br>(Buat beginilah.)                              |                     |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                           | <b>Bahasa Kedua</b> |
|    | Dialek Melayu Sabah                                                           | Bahasa Dusun        |
|    | <i>Kasi begini</i>                                                            | - <i>boh gia</i>    |
| 10 | <i>Bah, okayla.</i><br>(Baiklah.)                                             |                     |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                           | <b>Bahasa Kedua</b> |
|    | Dialek Melayu Sabah                                                           | Bahasa Inggeris     |
|    | <i>Bah ... la</i>                                                             | <u>okay</u>         |

Dalam Jadual 1 di atas menunjukkan terdapat beberapa penukaran kod yang berlaku pada peringkat *tag*. Maklumat ini menunjukkan maklumat penukaran kod *tag* yang menggunakan dialek Melayu Sabah

sebagai bahasa utama, bahasa Melayu Standard, bahasa Dusun, dan bahasa Inggeris. *Tag* yang digunakan dari dialek Melayu Sabah ialah *bah*, *la* dan Bahasa Melayu Standard adalah *-kah*.

### Penukaran Kod Tahap *Intrasentential*

Jadual 2 di bawah menunjukkan maklumat penukaran kod tahap *intrasentential* yang berlaku dalam bahasa Dusun.

Jadual 2 Penukaran Kod Tahap *Intrasentential* Oleh Masyarakat Dusun

| Bil | Penukaran Kod                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                    |                                           |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|-------------------------------------------|
| 1   | Itu lagu yang satu. Oh, tu nah, “Don't Let Me Go”.<br>(Itu lagu yang satu. Oh, itu dia, “Don't Let Me Go”.)                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                    |                                           |
|     | Bahasa Utama                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Bahasa Kedua                                       |                                           |
|     | Dialek Melayu Sabah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | Bahasa Inggeris                                    |                                           |
|     | Itu lagu yang satu. Oh, tu nah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Don't Let Me Go                                    |                                           |
| 2   | Bukan lagi bakar, kana kasi <b>rakan hilo tapui</b> .<br>(Bukan lagi bakar, kena masak di atas api.)                                                                                                                                                                                                                                                                                |                                                    |                                           |
|     | Bahasa Utama                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Bahasa Kedua                                       |                                           |
|     | Dialek Melayu Sabah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | Bahasa Dusun                                       |                                           |
|     | Bukan lagi bakar, kana kasi                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | rakan hilo tapui                                   |                                           |
| 3   | Ngoyo lihungo longon nu dorang bilang bah...hahahaha.<br>(Pergi cuci tangan kamu kata mereka...hahahaha.)                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                    |                                           |
|     | Bahasa Utama                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Bahasa Kedua                                       |                                           |
|     | Bahasa Dusun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Dialek Melayu Sabah                                |                                           |
|     | Ngoyo lihungo longon nu                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | dorang bilang bah...hahahaha                       |                                           |
| 4   | Kaa dii yauu kucing.. ehh, dia bilang <b>dungau dau</b> paling kecil.. kaa dii yauu dungau.<br>(Dia cakap kucing... ehh, dia cakap kucing dia paling kecil.. dia cakap kucing)                                                                                                                                                                                                      |                                                    |                                           |
|     | Bahasa Utama                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Bahasa Kedua                                       |                                           |
|     | Bahasa Dusun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Dialek Melayu Sabah                                |                                           |
|     | Kaa dii yauu ... dungau dau ... kaa dii yauu dungau                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | kucing.. ehh, dia bilang ... paling kecil          |                                           |
| 5   | Anata no koto wa aisenai kedo kirai janai...even we do not like working with certain people in...dalam ni satu kumpulan kunun, tapi bukanla bah maksud dia kita benci dorang.<br>(Saya tidak sukakan kamu, tetapi saya tidak juga membenci kamu...walaupun kita tidak suka bekerja dengan segelintir individu dalam sesebuah kumpulan, tetapi bukan bermakna kita membenci mereka.) |                                                    |                                           |
|     | Bahasa Utama                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Bahasa Kedua                                       | Bahasa Ketiga                             |
|     | Dialek Melayu Sabah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | Bahasa Inggeris                                    | Bahasa Jepun                              |
|     | dalam ni satu kumpulan kunun, tapi bukanla bah maksud dia kita benci dorang                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | even we do not like working with certain people in | Anata no koto wa aisenai kedo kirai janai |

|    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                            |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|
| 6  | Oh, bah,bah, <u>take care time</u> kamu pulang ah.<br>(Oh, baiklah,baiklah, berhati-hati semasa kamu dalam perjalanan pulang, ya.)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                            |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <b>Bahasa Kedua</b>                                                        |
|    | Dialek Melayu Sabah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | Bahasa Inggeris                                                            |
|    | Oh, bah,bah ...kamu pulang ah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <u>take care time</u>                                                      |
| 7  | Contohnya apabila saya bercakap, “ <i>walai nopo dau nga hiri toning do</i> selekoh kedai”.<br>(Contohnya apabila saya bercakap, “rumah dia terletak berdekatan dengan selekoh kedai”.)                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                                            |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <b>Bahasa Kedua</b>                                                        |
|    | Bahasa Dusun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Bahasa Melayu Standard                                                     |
|    | <i>walai nopo dau nga hiri toning do</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Contohnya apabila saya bercakap ... selekoh kedai                          |
| 8  | Sekiranya isu ini tidak ditangani, maka akan wujud bahasa baru, seperti “manglish”, campuran <u>Malay and English</u> , ianya akan mempengaruhi bahasa Dusun, <i>orang putih bilang, the beauty of the Dusun language will be lost</i> .<br><br>(Sekiranya isu ini tidak ditangani, maka akan wujud bahasa baru, seperti “manglish”, campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, ianya akan mempengaruhi bahasa Dusun, seperti kata orang putih, keunikan bahasa Dusun akan hilang.) |                                                                            |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <b>Bahasa Kedua</b>                                                        |
|    | Bahasa Melayu Standard                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | Bahasa Inggeris                                                            |
|    | Sekiranya isu ini tidak ditangani, maka akan wujud bahasa baru, seperti “manglish”, campuran ... ia akan mempengaruhi bahasa Dusun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | <u>Malay and English ... the beauty of the Dusun language will be lost</u> |
| 9  | <b>Bahasa Ketiga</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                            |
|    | Dialek Melayu Sabah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                            |
|    | <i>orang putih bilang</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                            |
| 9  | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                            |
|    | Bahasa Dusun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                            |
|    | <i>Osonong noh boh kopio ..kaa Inggilis.</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                            |
| 9  | <b>Bahasa Kedua</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <b>Bahasa Ketiga</b>                                                       |
|    | Bahasa Inggeris                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Bahasa Melayu Standard                                                     |
|    | <u>really a good one</u>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | kajian tesis ini                                                           |
| 10 | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                            |
|    | Bahasa Dusun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                            |
|    | <i>Haro gia ie ..oubas noh ndo ie tangaanak dii boroson dii misuai</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                            |
|    | <b>Bahasa Kedua</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <b>Bahasa Ketiga</b>                                                       |
|    | Dialek Melayu Sabah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                            |
|    | <i>bakawin campur, jadi ..mama sama bapa dia</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                            |

Berdasarkan Jadual 2 di atas, didapati penukaran kod tahap *intrasentential* menggunakan bahasa Dusun, dialek Melayu Sabah serta bahasa Melayu Standard sebagai bahasa utama. *Intrasentential* penukaran kod yang bahasa-bahasa dikenal pasti dalam rakaman ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: *Intrasentential* Penukaran Kod

| Bahasa                 | Intrasentential                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Dialek Melayu Sabah    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>dorang bilang bah</i></li> <li>• <i>kucing ehh, dia bilang</i></li> <li>• <i>paling kecil</i></li> <li>• <i>salalu pigi ikut-ikut sukan bah</i></li> <li>• <i>entah macam mana sa mau kasi tau</i></li> <li>• <i>iya, sakit perut</i></li> <li>• <i>tandas samalam bah</i></li> <li>• <i>sa takut kana marah cigu.</i></li> <li>• <i>latihan ari ni</i></li> <li>• <i>kasi campur Malayu sama Dusun</i></li> <li>• <i>bakawin campur, jadi</i></li> <li>• <i>mama sama bapa dia</i></li> <li>• <i>iya bah butul</i></li> <li>• <i>bah, patang bisuk</i></li> <li>• <i>aik, butul bah</i></li> <li>• <i>sama kurupuk aja kunun</i></li> <li>• <i>ko tu ja</i></li> <li>• <i>orang putih bilang</i></li> </ul> |
| Bahasa Inggeris        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Don't Let Me Go</i></li> <li>• <i>even we do not like working with certain people in</i></li> <li>• <i>take care time</i></li> <li>• <i>but actually you</i></li> <li>• <i>see you tomorrow</i></li> <li>• <i>okay,guys see you tomorrow</i></li> <li>• <i>she tried to go,</i></li> <li>• <i>but we</i></li> <li>• <i>champion speaking in English</i></li> <li>• <i>okay, don't forget to bring</i></li> <li>• <i>the beauty of the Dusun language will be lost</i></li> <li>• <i>really a good one</i></li> <li>• <i>Malay and English</i></li> <li>• <i>save pages</i></li> <li>• <i>rotate screen</i></li> </ul>                                                                                        |
| Bahasa Melayu Standard | <ul style="list-style-type: none"> <li>• mengenai isu penukaran kod</li> <li>• contohnya apabila saya bercakap</li> <li>• selekoh kedai</li> <li>• cikgu kerja rumah</li> <li>• kerja rumah subjek</li> <li>• buku rujukan bahasa Inggeris dengan kamus saya petang nanti</li> <li>• saya agak fasih</li> <li>• kajian tesis ini</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| Bahasa Jepun           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Anata no koto wa aisenai kedo kirai janai</i></li> <li>• <i>ki o tsukete kudasai</i></li> <li>• <i>sumimasen</i></li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| Bahasa Melayu Brunei   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>banar</i></li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| Bahasa Arab            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>astaga</i></li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| Bahasa Pasar           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>ngam</i></li> <li>• <i>punya</i></li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |

Didapati bahawa selain bahasa Dusun, terdapat beberapa bahasa lain yang digunakan oleh masyarakat Dusun apabila mereka berkomunikasi. Bahasa-bahasa tersebut ialah dialek Melayu Sabah, bahasa

Inggeris, bahasa Melayu Standard, bahasa Jepun, bahasa Melayu Brunei, bahasa Arab dan bahasa pasar. Secara keseluruhannya, dalam ujaran-ujaran yang mengalami penukaran kod tahap *intrasentential* melibatkan tujuh bahasa dengan bahasa Dusun.

### Penukaran Kod Tahap *Intersentential*

Hasil daripada analisis rakaman temu bual responden masyarakat Dusun dengan pengkaji, didapati beberapa ujaran yang mengalami penukaran kod tahap *intersentential* dan bahagikan mengikut bahasa-bahasa yang berlaku penukaran kod dengan bahasa Dusun. Jadual 4 di bawah menunjukkan maklumat penukaran kod tahap *intersentential* oleh masyarakat Dusun.

Jadual 4: Penukaran Kod Tahap *Intersentential* Masyarakat Dusun

| Bil | Penukaran Kod                                                                                                                                                                                                         |                                                  |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|
| 1   | Ajun, kamu ini macam budak gila. Dulu budak dalam ketakutan, eh, hidup dalam ketakutan. <b><i>Nosuangan.</i></b> (Ajun, kamu ini macam budak gila. Dulu budak dalam ketakutan, eh, hidup dalam ketakutan. Kerasukan.) |                                                  |
|     | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                   | <b>Bahasa Kedua</b>                              |
|     | Bahasa Melayu Standard                                                                                                                                                                                                | Bahasa Dusun                                     |
|     | Ajun, kamu ini macam budak gila. Dulu budak dalam ketakutan, eh, hidup dalam ketakutan.                                                                                                                               | <b><i>Nosuangan.</i></b>                         |
| 2   | <i>Nah, tingu. Smart.</i> (Nah, tengok. Hebat.)                                                                                                                                                                       |                                                  |
|     | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                   | <b>Bahasa Kedua</b>                              |
|     | Dialek Melayu Sabah                                                                                                                                                                                                   | Bahasa Inggeris                                  |
|     | <i>Nah, tingu.</i>                                                                                                                                                                                                    | <b><i>Smart.</i></b>                             |
| 3   | Apakah tajuknya? <b><i>Empty.</i></b> Siapa penyanyi lagu itu? (Apakah tajuknya? <i>Empty</i> (Kosong). Siapa penyanyi lagu itu?)                                                                                     |                                                  |
|     | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                   | <b>Bahasa Kedua</b>                              |
|     | Bahasa Melayu Standard                                                                                                                                                                                                | Bahasa Inggeris                                  |
|     | Apakah tajuknya? Siapa penyanyi lagu itu?                                                                                                                                                                             | <b><i>Empty.</i></b>                             |
| 4   | <b><i>Ngoyo kama isuo ino gakod nu. Outong tomod.</i></b> Itu yang salalu si mama cakap tau. (Pergi cuci kaki kamu. Sangat busuk. Itu yang mama selalu cakap.)                                                        |                                                  |
|     | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                   | <b>Bahasa Kedua</b>                              |
|     | Bahasa Dusun                                                                                                                                                                                                          | Dialek Melayu Sabah                              |
|     | <b><i>Ngoyo kama isuo ino gakod nu. Outong tomod.</i></b>                                                                                                                                                             | <b><i>Itu yang salalu si mama cakap tau.</i></b> |
| 5   | <i>Bulihla tu, bulihla tu. Mai nopo.</i> Hahaha.. (Bolehlah itu, bolehlah itu. Hahaha..)                                                                                                                              |                                                  |
|     | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                   | <b>Bahasa Kedua</b>                              |
|     | Dialek Melayu Sabah                                                                                                                                                                                                   | Bahasa Dusun                                     |

|    |                                                                                                                                                                                                                                   |                                   |
|----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------|
|    | <i>Bulihla tu, bulihla tu.</i>                                                                                                                                                                                                    | <i>Mai nopo.</i>                  |
| 6  | <i>Eh..eh, nahkan tingu! <b>Hodi.. hodi.</b> Dia berjatuhan sepenuhnya. Jadi ni mau taru mana?</i><br>(Eh..eh, nah tengok tu! Tengok..tengok.. tengok. Dia berjatuhan sepenuhnya. Jadi ini mahu letak di mana?)                   |                                   |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                               | <b>Bahasa Kedua</b>               |
|    | Dialek Melayu Sabah                                                                                                                                                                                                               | Bahasa Melayu Standard            |
|    | <i>Eh..eh,nahkan tingu!</i><br><i>Jadi ni mau taru mana?</i>                                                                                                                                                                      | Dia berjatuhan sepenuhnya.        |
| 7  | <i>I want to do this. <b>Miagal diti..ti..ti..ti..</b></i><br>(Saya mahu buat ini. Seperti ini.)                                                                                                                                  |                                   |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                               | <b>Bahasa Kedua</b>               |
|    | Bahasa Inggeris                                                                                                                                                                                                                   | Bahasa Dusun                      |
|    | <i>I want to do this.</i>                                                                                                                                                                                                         | <i>Miagal diti..ti..ti..ti..</i>  |
| 8  | <i>Pandai kunun si Babun belakun pura-pura talampau kesakitan. <b>Mokirayou tomod yau.</b></i><br>(Babun sangat pandai berlakon, berpura-pura merasa sangat kesakitan. Dia mengharapkan pujian.)                                  |                                   |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                               | <b>Bahasa Kedua</b>               |
|    | Dialek Melayu Sabah                                                                                                                                                                                                               | Bahasa Dusun                      |
|    | <i>Pandai kunun si Babun belakun pura-pura talampau kesakitan.</i>                                                                                                                                                                | <i>Mokirayou tomod yau.</i>       |
| 9  | <i>Nah, pemain gitar kita yang baru sudah datang. <b>Maai kama.</b></i><br>(Nah, pemain gitar kita yang baru sudah datang. Mainlah (gitar))                                                                                       |                                   |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                               | <b>Bahasa Kedua</b>               |
|    | Bahasa Melayu Standard                                                                                                                                                                                                            | Bahasa Dusun                      |
|    | <i>Nah, pemain gitar kita yang baru sudah datang.</i>                                                                                                                                                                             | <i>Maai kama.</i>                 |
| 10 | <i>Inda juga bah talampau teruk tu, tapi sa ubat juga supaya inda kana jangkit kuman. <b>Oupus oku boh gia ndo dau.</b></i><br>(Kecederaannya tidaklah teruk sangat, tetapi saya tetap letakkan ubat agar tidak dijangkiti kuman) |                                   |
|    | <b>Bahasa Utama</b>                                                                                                                                                                                                               | <b>Bahasa Kedua</b>               |
|    | Dialek Melayu Sabah                                                                                                                                                                                                               | Bahasa Dusun                      |
|    | <i>Inda juga bah talampau teruk tu, tapi sa ubat juga supaya inda kana jangkit kuman.</i>                                                                                                                                         | <i>Oupus oku boh gia ndo dau.</i> |

Melalui Jadual 4, didapati ujaran yang mengalami penukaran kod tahap *intersentential* diringkaskan dan ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: *Intersentential* Penukaran Kod Masyarakat Dusun

| <b>Bahasa</b>       | <b><i>Intersentential</i></b>                                                                                                                                                                    |
|---------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Dialek Melayu Sabah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Itu yang selalu si mama cakap tau.</i></li> <li>• <i>Oh,bah.</i></li> <li>• <i>Bah, tu ja?</i></li> <li>• <i>Inda lagi asli Dusunlah.</i></li> </ul> |

|                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Salalu lagi sa malas kasi siap karaja rumah.</i></li> <li>• <i>Dorang tebiasa suda sama Inggeris ni.</i></li> <li>• <i>Ko mau bawa pigi mana?</i></li> <li>• <i>Ada lagi tu kui si Jane beli.</i></li> <li>• <i>Ada dia mau kasi tau..</i></li> </ul> |
| Bahasa Inggeris        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Smart.</i></li> <li>• <i>Empty.</i></li> <li>• <i>Bye.</i></li> <li>• <i>Birthday party?</i></li> <li>• <i>The actors are very handsome.</i></li> <li>• <i>I know you're just kidding</i></li> </ul>                                                  |
| Bahasa Melayu Standard | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dia berjatuhan sepenuhnya.</li> <li>• Salahkah saya berkata-kata seperti ini?</li> <li>• Saya lemah dalam penulisan bahasa Inggeris.</li> <li>• Ya, saya hampir terlupa tentang itu.</li> </ul>                                                          |
| Bahasa Korea           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Daebak!</i></li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                |

Melalui paparan dalam Jadual 5, dapat dikenal pasti bahawa selain bahasa Dusun, terdapat beberapa bahasa yang telah digunakan dalam keseluruhan rakaman perbualan yang dianalisis. Berdasarkan jadual tersebut, didapati bahawa *intersentential* dialek Melayu Sabah paling banyak digunakan dalam ujaran, diikuti oleh *intersentential* bahasa Inggeris.

### Analisis Penukaran Kod Masyarakat Dusun

Secara keseluruhannya, analisis penukaran kod tahap *tag*, *intrasentential* dan *intersentential* dalam rakaman-rakaman perbualan yang telah ditranskripsi berlaku dalam kalangan masyarakat Dusun di kampung Bundu Tuhan, Ranau. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan pola penukaran kod yang dituturkan dan digunakan oleh masyarakat Dusun.

Jadual 6: Pola Penukaran Kod Masyarakat Dusun Berdasarkan Tiga Tahap Poplack

| Bahasa-bahasa dalam Penukaran Kod |                        |                        |
|-----------------------------------|------------------------|------------------------|
| <i>Tag</i>                        | <i>Intrasentential</i> | <i>Intersentential</i> |
| • BD + DMS [T1]                   | • BD + DMS [I1]        | • BD + DMS [E1]        |
| • DMS + BD [T2]                   | • BD + BMS [I2]        | • BD + BMS [E2]        |
| • BMS + BD [T3]                   | • BD + DMS + BI [I3]   | • BD + BI [E3]         |
| • BI + DMS [T4]                   | • BD + BMS + BI [I4]   | • DMS + BD [E4]        |
|                                   | • DMS + BD [I5]        | • DMS + BD + BMS [E5]  |
|                                   | • DMS + BD + BI [I6]   | • DMS + BMS [E6]       |
|                                   | • DMS + BI [I7]        | • DMS + BMS + BD [E7]  |
|                                   | • DMS + BI + BD [I8]   | • DMS + BI [E8]        |
|                                   | • DMS + BI + BJ [I9]   | • DMS + BI + BD [E9]   |
|                                   | • DMS + BI + BP [I10]  | • DMS + BK [E10]       |
|                                   | • DMS + BA + BI [I11]  | • BMS + BD [E11]       |
|                                   | • DMS + BMBR [I12]     | • BMS + DMS [E12]      |
|                                   | • BMS + BD [I13]       | • BMS + BI [E13]       |
|                                   | • BMS + DMS [I14]      | • BI + BD [E14]        |
|                                   | • BMS + BI + DMS [I15] |                        |

Petunjuk:

- BD - Bahasa Dusun
- DMS - Dialek Melayu Sabah
- BMS - Bahasa Melayu Standard
- BI - Bahasa Inggeris
- BMBR - Bahasa Melayu Brunei
- BA - Bahasa Arab
- BP - Bahasa Pasar
- BJ - Bahasa Jepun
- BK - Bahasa Korea
- T - *Tag*
- I - *Intrasentential*
- E - *Intersentential*

Berdasarkan Jadual 6, dapat dilihat bahawa pola dalam penukaran kod tahap *tag* melibatkan empat bahasa utama, iaitu bahasa Dusun, dialek Melayu Sabah, bahasa Melayu Standard serta bahasa Inggeris. Bahasa Dusun sebagai bahasa utama telah bertukar kod dengan dialek Melayu Sabah. Dialek Melayu Sabah sebagai bahasa utama pula telah bertukar kod dengan bahasa Dusun. Manakala, bahasa Melayu Standard yang menjadi bahasa utama dalam ujaran telah bertukar kod dengan bahasa Dusun sebagai bahasa kedua. Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama pula telah bertukar kod dengan dialek Melayu Sabah.

Dalam penukaran kod tahap *intrasentential* pula, terdapat tiga pola utama yang digunakan oleh masyarakat Dusun. Bahasa-bahasa tersebut ialah bahasa Dusun, dialek Melayu Sabah dan bahasa Melayu Standard. Bahasa Dusun sebagai bahasa utama telah bertukar kod dengan dua bahasa kedua, iaitu dialek Melayu Sabah dan bahasa Melayu Standard. Bahasa Dusun sebagai bahasa utama turut bertukar kod dengan bahasa Inggeris yang menjadi bahasa ketiga dalam ujaran. Dialek Melayu Sabah pula telah mengalami penukaran kod dengan beberapa bahasa kedua, iaitu bahasa Dusun, bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu Brunei. Dialek Melayu Sabah sebagai bahasa utama turut bertukar kod dengan bahasa ketiga, iaitu bahasa Dusun, bahasa Inggeris, bahasa Jepun dan bahasa pasar. Selain itu, bahasa Melayu Standard sebagai bahasa utama pula telah bertukar kod dengan bahasa Dusun, dialek Melayu Sabah dan bahasa Inggeris yang menjadi bahasa kedua. Bahasa Melayu Standard turut bertukar kod dengan satu bahasa ketiga, iaitu dialek Melayu Sabah.

Penukaran kod tahap *intersentential* dalam rakaman perbualan dengan masyarakat Dusun yang telah dianalisis menunjukkan empat bahasa utama, iaitu bahasa Dusun, dialek Melayu Sabah, bahasa Melayu Standard dan bahasa Inggeris. Bahasa Dusun sebagai bahasa utama dalam ujaran telah bertukar kod dengan tiga bahasa kedua, iaitu dialek Melayu Sabah, bahasa Melayu Standard dan bahasa Inggeris. Manakala, dialek Melayu Sabah pula telah mengalami penukaran kod dengan beberapa bahasa kedua, iaitu bahasa Dusun, bahasa Melayu Standard, bahasa Inggeris dan bahasa Korea. Dialek Melayu Sabah yang menjadi bahasa utama dalam ujaran juga telah bertukar kod dengan bahasa Dusun dan bahasa Melayu Standard sebagai bahasa ketiga. Bahasa Melayu Standard sebagai bahasa utama telah bertukar kod dengan bahasa Dusun, dialek Melayu Sabah dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Selain itu, bahasa Inggeris sebagai bahasa utama telah mengalami penukaran kod dengan satu bahasa kedua sahaja, iaitu bahasa Dusun.

Secara keseluruhannya, penukaran kod tahap *tag*, *intrasentential* dan *intersentential* yang dianalisis melibatkan beberapa bahasa utama dalam ujaran, iaitu bahasa Dusun, dialek Melayu Sabah, bahasa Melayu Standard dan bahasa Inggeris. Turut dapat dikesan bahawa dialek Melayu Sabah paling banyak digunakan sebagai bahasa utama dalam ujaran. Penukaran kod pada peringkat *tag*, *intrasentential* dan *intersentential* melibatkan beberapa bahasa kedua dan bahasa ketiga yang berbeza-beza dalam sesuatu ujaran.

Jumlah keseluruhan tahap penukaran kod masyarakat Dusun menunjukkan bahawa penukaran kod peringkat *intersentential* paling banyak berlaku, diikuti oleh penukaran kod peringkat *intrasentential* dan tahap *tag* yang paling rendah. Hal ini menunjukkan bahawa, masyarakat di kampung Bundu Tuhan, Ranau cenderung mencampuradukkan bahasa pada peringkat *intersentential*.

Secara keeseluruhan penggunaan bahasa utama dalam penukaran kod peringkat *tag* yang berlaku dalam rakaman perbualan yang dianalisis menunjukkan dialek Melayu Sabah paling banyak digunakan sebagai bahasa utama dalam ujaran-ujaran yang mengalami penukaran kod manakala bahasa Dusun paling kurang digunakan sebagai bahasa utama. Penggunaan bahasa Melayu Standard sebagai bahasa utama dalam ujaran-ujaran yang mengalami penukaran kod peringkat *tag* lebih banyak jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris.

Penggunaan bahasa utama penukaran kod yang berlaku pada peringkat *intrasentential* oleh masyarakat Dusun menunjukkan dialek Melayu Sabah paling banyak digunakan sebagai bahasa utama, diikuti oleh bahasa Dusun. Bahasa Melayu Standard kurang digunakan sebagai bahasa utama dan bahasa Inggeris pula paling rendah untuk digunakan oleh masyarakat Dusun.

Jumlah keseluruhan penggunaan bahasa utama tahap penukaran kod *menunjukkan* bahawa dialek Melayu Sabah paling banyak digunakan sebagai bahasa utama jika dibandingkan dengan penggunaan bahasa Dusun, bahasa Melayu Standard dan bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Dusun semakin kurang digunakan dalam pertuturan seharian masyarakat di kampung Bundu Tuhan oleh masyarakat Dusun. Masyarakat di kampung tersebut lebih banyak menggunakan dialek Melayu Sabah. Dalam sesuatu perbualan, sungguhpun penutur menggunakan bahasa Dusun untuk berkomunikasi, namun mereka sebenarnya cenderung menggunakan dialek Melayu Sabah sebagai bahasa utama.

## 5. Hasil Kajian

Berikut dibincangkan hasil kajian bagi kajian penukaran kod dalam kalangan masyarakat Dusun yang tinggal di Ranau Sabah. Hasil analisis penukaran kod memaparkan penukaran kod yang berlaku pada peringkat *tag*, *intrasentential* dan *intersentential*. Melalui hasil kajian, didapati beberapa penggunaan bahasa selain bahasa Dusun dalam ketiga-tiga tahap penukaran kod. Bahasa-bahasa yang dikenal pasti ialah bahasa Dusun, dialek Melayu Sabah, bahasa Melayu Standard, bahasa Inggeris, bahasa Melayu Brunei, bahasa Jepun, bahasa Korea, bahasa Arab dan bahasa pasar. Penukaran kod yang berlaku juga bukan sahaja melibatkan dua bahasa dalam sesuatu ujaran, tetapi terdapat juga penggunaan tiga bahasa dalam satu ujaran.

Dalam setiap penukaran kod yang berlaku oleh masyarakat Dusun, hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat empat bahasa yang biasa digunakan sebagai bahasa utama dalam ujaran yang mengalami penukaran kod, iaitu dialek Melayu Sabah, bahasa Dusun, bahasa Melayu Standard dan bahasa Inggeris. Dialek Melayu Sabah paling banyak digunakan sebagai bahasa utama dalam rakaman perbualan. Penggunaan bahasa Dusun sebagai bahasa utama pula mempunyai kekerapan kedua tertinggi. Bahasa Melayu Standard mempunyai kekerapan penggunaan sebagai bahasa utama ketiga tertinggi selepas bahasa Dusun. Bahasa Inggeris paling sedikit digunakan sebagai bahasa utama dalam rakaman perbualan yang telah dianalisis. Bahasa kedua dan ketiga dalam ujaran-ujaran yang mengalami penukaran kod pula berubah-ubah dan tidak dapat ditentukan bahasa kedua atau ketiga yang paling banyak atau sedikit digunakan. Antara bahasa kedua dan ketiga yang terlibat dalam penukaran kod dalam rakaman perbualan yang dianalisis ialah bahasa Dusun, dialek Melayu Sabah, bahasa Melayu Standard, bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Melayu Brunei, bahasa Jepun, bahasa pasar dan bahasa Korea.

Hasil dapatan ini telah berjaya mencapai objektif dalam kajian ini, iaitu mengenal pasti bahasa-

bahasa yang bertukar kod dengan bahasa Dusun yang berlaku dalam kalangan masyarakat Dusun di kampung, Bundu Tuhan, Ranau. Terdapat juga beberapa bahasa lain yang telah bertukar kod dengan bahasa Dusun, iaitu bahasa Arab, bahasa Melayu Brunei, bahasa Jepun, bahasa Korea dan bahasa pasar. Hasil kajian turut mendapati bahawa penggunaan bahasa Dusun dalam pertuturan seharian masyarakat Dusun di kampung Bundu Tuhan, Ranau semakin kurang. Dialek Melayu Sabah lebih banyak digunakan sebagai bahasa utama dalam pertuturan seharian masyarakat di kampung ini.

## 6. Kesimpulan

Kajian ini cuma menumpukan kepada penukaran kod yang berlaku dalam kalangan masyarakat Dusun di kampung Bundu Tuhan, Ranau, Sabah. Sungguhpun masyarakat di kampung ini terdiri daripada penutur natif bahasa Dusun, namun masyarakat tersebut turut menuturkan beberapa bahasa lain selain bahasa Dusun. Penggunaan bahasa yang pelbagai dalam pertuturan seharian masyarakat di kampung Bundu Tuhan, Ranau telah menjejaskan banyak perkara yang berkaitan dengan isu kebahasaan bahasa Dusun oleh masyarakat Dusun.

Dalam masa yang sama, hasil kajian ini juga telah mendapati bahawa masyarakat Dusun, terutamanya generasi muda mengetahui lebih daripada satu Bahasa, dengan kata lain penutur ini adalah dwibahasa. Dwibahasa masyarakat Dusun ini dikenali juga sebagai bilingualisme, di mana penutur Bahasa Dusun menggunakan dua Bahasa atau lebih dalam kehidupan hariannya. Penutur menggunakan bahasa-bahasa ini sebagai bahasa basahannya di mana seseorang itu menggunakan bahasa tersebut bertukar ganti contohnya sekejap Dusun, sekejap Melayu, sekejap Inggeris dan seterusnya. Penutur Bahasa Dusun yang boleh berbahasa lebih daripada satu, tidak kira bahasa utama atau dialek-dialek daerah secara sedar atau tidak akan mencampurkan bahasa-bahasa yang diketahuinya mengikut situasi semasa.

Penguasaan dua atau tiga bahasa dalam kalangan kaum Dusun telah memberi ruang untuk bahasa campuran atau penukaran kod secara selesa dan bebas dalam perhubungan komunikasi sama ada antara kaum mahupun sesama kaum. Pengkajian Bahasa Dusun ini telah dapat memperlihatkan kebolehan berbahasa dalam kalangan kaum Dusun yang sesuai dengan konteks sosial dan budaya semasa, sekali gus dapat menyalurkan kepada kepentingan bahasa sebagai alat komunikasi.

Secara keseluruhannya, kajian komunikasi penukaran kod masyarakat Dusun di negeri Sabah ini dan aliran mesej bahasa dalam kalangan mereka perlu dilihat secara positif dalam usaha menyampaikan ujaran yang bermanifestasi. Sehubungan dengan itu, penguasaan akan kecekapan pragmatik dan sosiolinguistik menuntut seseorang itu memahami penggunaan bahasa yang sesuai mengikut konteks sosial dan mengaitkannya dengan konteks interaksi dan ujaran penutur itu.

## Rujukan

- Anon. 2015. Mengenai Sabah. [www.sabah.gov.my/main/ms-MY/Home/About](http://www.sabah.gov.my/main/ms-MY/Home/About) [2 Oktober 2015].
- Anon. 2013. Pelancongan Taman Kinabalu. [telecentre.softbox.com.my/kampungbundutuhan/index.php/ms/pelancongan.html](http://telecentre.softbox.com.my/kampungbundutuhan/index.php/ms/pelancongan.html) [3 Oktober 2015].
- Anon. 2012. Pendidikan SMK Bundu Tuhan. [telecentre.softbox.com.my/kampungtoohlama/index.php/ms/pendidikan.html?showall=](http://telecentre.softbox.com.my/kampungtoohlama/index.php/ms/pendidikan.html?showall=) [3 Oktober 2015].
- Anon. 2011. Sekolah Kebangsaan Bundu Tuhan. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah\\_Kebangsaan\\_Bundu\\_Tuhan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah_Kebangsaan_Bundu_Tuhan) [4 Oktober 2015].

- Anon. 2011. Sekolah Rendah Kebangsaan Don Bosco. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah\\_Kebangsaan\\_Bundu\\_Tuhan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah_Kebangsaan_Bundu_Tuhan) [4 Oktober 2015].
- Anon. 2010. Kampung Bundu Tuhan. <http://portal.softbox.com.my/v4/KampungBunduTuhan/index.php/ms/populasi.html> [2] Oktober 2015].
- Auer, P.. 1998. *Code-Switching in Conversation: Language, Interaction and Identity*. London: Routledge.
- Carol Myers-Scotton (1993) Reviewed Work: *Social Motivations for Codeswitching. Evidence from Africa . Language in Society*. Vol. 24, No. 2 (Jun., 1995), pp. 302-305. : Cambridge University Press.
- Carol Myers-Scotton (1993a). *Social Motivations for Codeswitching. Evidence from Africa*. Oxford: Clarendon Press.
- Chua, Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Choi, Kim Yok & Chong, Siew Ling. 2007. *Campur Aduk Bahasa Melayu dan Bahasa Cina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayang Aini binti Haji Karim. 2003. *Preposisi Bahasa Dusun dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Kontrastif dan Satu Kesilapan*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Dyg. Fatimah Awang Chuchu. 2007. *Code-Switching In A Multilingual Environment*. Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Dyg. Fatimah binti Hj Awg. Chuchu & Najib Noorashid. 2015. The Vitality and Revitalisation of Minority Language: The Case of Dusun in Brunei Darussalam. *IJASOS-International E-Journal of Advances in Social Sciences* 1(1): 34-46.
- Destya Pratama Sulistiani. 2015. *Campur Kode Pada Wacana Iklan di Harian Suara Merdeka Edisi September-Oktober 2014 Kajian Sociolinguistik*. Universitas Muhammadiyah Surakarta: Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan.
- Edwards, J. 1994. *Multilingualism*. England: Penguin Group.
- Fishman, Joshua A. 1972. The Relation between Micro and Macro Sociolinguistics in the story of Who Speaks What Language to Whom and When” Sociocultural Change oleh Anwar D. Dil. California: Stanford University Press.
- Edwards, J. 1994. *Multilingualism*. England: Penguin Group.
- Fishman, Joshua A. 1972. The Relation between Micro and Macro Sociolinguistics in the story of Who Speaks What Language to Whom and When” Sociocultural Change oleh Anwar D. Dil. California: Stanford University Press.
- Generasi Godoong. 2009. *Sejarah Keluarga, Asal Usul Keluarga Ini Dari Kampung Bundu Tuhan*. <http://ggodoong.blogspot.my/2009/08/sejarah-penyatuan-keluargagodoong.html> [5 Oktober 2015].
- Grosjean, F. 1982. *Life With Two Languages An Introduction to Bilingualism*, hlm. 145. United States of America: Harvard college.
- [infomasimalaysia.wordpress.com/2017/01/15/first-blog-post/](http://infomasimalaysia.wordpress.com/2017/01/15/first-blog-post/)
- Minah Sintian (2018). *Variasi Leksikal Dalam Dialek Keluarga Dusun di Sabah*. Tesis Doktor Falsafah. FBMK. Universiti Putra Malaysia. Serdang.

- Noor Aina Dani, Saadah Binti Hj. Jaffar, Zuraini Bte Seruji, Reduan Bin Abang Amir. 2011. Asimilasi Berbagai Jenis Kata Melayu Pemilikan Etnik Dusun Di Sabah. *Jurnal Melayu* (8) 2011: 67 – 90.
- Noor Aina Dani dan Mhd. Amin Arshad. t.th. Teori dan Realiti Perubahan Bahasa: Daripada Bahasa Ibunda kepada Bahasa Melayu. <http://downloadily.com/docs/teori-persepsi-masyarakat-pdf.html> [2 Oktober 2015].
- Poplack, S. 2004. Code-switching. In Ammon, U., Dittmar, N., Mattheier, K. J & Trudgill, P. (eds.) *Sociolinguistics/Soziolinguistik: An International Handbook of the Science of Language*. Edisi ke-2. Berlin: Walter de Gruyter: 589-596.
- Poplack, S. 2001. Code-switching (linguistic), hlm. 2062-2065. Vol. 3. Canada: University of Ottawa.
- Poplack, S. 2015. Code-switching (linguistic). Edisi semak. Canada: University of Ottawa.
- Poplack, S. 1980. Sometimes I'll Start a Sentence in Spanish Y TERMINO EN ESPAÑOL: TOWARD a Typology of Code-Switching. *Linguistics*, 18: 581-618.
- Poplack, S. 2013. "Sometimes I'll start a sentence in Spanish Y TERMINO EN ESPAÑOL": Toward a typology of code-switching. Edisi semak. *Linguistics*, 51 (Jubilee): 11-14: De Gruyter Mouton
- Poplack, S. 1978. Syntactic Structure and Social Function of Codeswitching. Edisi semak, hlm.169-84. Vol.6. New Jersey: Ablex.
- Poplack, S. 1981. Syntactic Structure and Social Function of Codeswitching. Edisi semak, hlm.169-84. Vol.6. New Jersey: Ablex.
- Suthanthiradevi a/p J.N.J. Money. 2001. Percampuran Kod dalam Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu.
- Zaharani Ahmad. 2003. Harmoni Vokal dalam Bahasa Rungus dan Dusun Kimaragang: Satu Analisis Fonologi Autosegmental. *Jurnal Bahasa* 3(4): 607-623.

#### **Biodata Penulis**

Mohammed Azlan Mis ialah pensyarah di Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia